TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

PENGERTIAN TAHARAH

Taharah ialah bersuci daripada hadas, sama ada kecil mahupun besar. Hadas kecil disucikan dengan wuduk, manakala hadas besar disucikan dengan cara mandi wajib.

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Pengenalan Najis

PENGERTIAN NAJIS

Najis ialah benda kotor pada pakaian, badan dan tempat yang menghalang daripada sahnya solat dan tawaf.

Najis Mukhaffafah (ringan)	Najis Mutawassitoh (sederhana)	Najis Mughallazah (berat)

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Kaedah Beristinjak

PENGERTIAN ISTINJAK

Istinjak ialah menghilangkan najis atau mengurangkannya dari tempat keluarnya sama ada qubul atau dubur.

Cara istinjak dengan air mutlak:
Dengan melalukan air keatasnya sehingga hilang bau, warna dan rasa.

Cara istijmar (selain air mutlak seperti batu, tisu):
Menyapu qubul dan dubur dengan menggunakan benda yang kesat dan kering sebanyak 3 kali minima seperti tisu kering.

NOTA

Jemaah hendaklah berhati-hati ketika menggunakan tandas semasa di dalam penerbangan, bas, di R&R dan di Masya'ir. Dibimbangi najis terpercik kepada pakaian.

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Kaedah Berwuduk

KAEDAH BERWUDUK



Menggunakan air paip



Menggunakan penyembur air*



Menggunakan botol/cawan

**Pastikan air mengalir dan diratakan pada anggota wuduk.*

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Rukun Wuduk

6 RUKUN WUDUK

1. Niat
2. Membasuh muka 
3. Membasuh tangan sehingga ke siku 
4. Menyapu keseluruhan atau sebahagian kepala 
5. Membasuh kaki sehingga ke buku lali 
6. Tertib

NOTA WAJIB ratakan air pada anggota wuduk yang dibasuh.

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK



TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Wuduk

MAKRUH KETIKA WUDUK

1. Membazir air.
2. Mendahulukan yang kiri.
3. Mengelap air di anggota wuduk jika tidak ada keuzuran.
4. Memukul muka dengan air (berlawanan dengan memuliakan muka).
5. Membasuh lebih daripada tiga kali atau kurang.
6. Meminta tolong orang lain supaya membasuh anggota wuduknya tanpa keuzuran (sifat takabbur).

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Wuduk

PERKARA YANG MEMBATALKAN WUDUK

1. Keluar sesuatu dari qubul dan dubur.
2. Tidur yang tidak tetap punggung.
3. Hilang akal kerana mabuk, pitam dan sakit (gila).
4. Menyentuh kulit lelaki/perempuan ajnabi tanpa berlapik.
5. Menyentuh kemaluan diri sendiri atau orang lain dengan tapak tangan tanpa berlapik.

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Daim Al-Hadath

Daim al-hadath ialah orang yang sentiasa berhadas

Syarat-syarat wuduk daim al-hadath:
Hukum asal daim al-hadath hendaklah menyucikan najis tersebut dan berwuduk setelah masuk waktu. Satu wuduk untuk satu solat fardhu dan beberapa amalan sunat.

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Jemaah haji yang mengalami daim al-hadath boleh mengambil pandangan mazhab Maliki iaitu:

1. **Membersihkan najis dan boleh mengambil wuduk sebelum masuk waktu solat.**
2. **Meneruskan solat dengan wuduk yang sama selagi ia tidak terbatal oleh lain-lain perkara yang membatalkan wuduk.**
3. **Memperbaharui wuduk itu adalah sunat sahaja**

***RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-39.**

NOTA Pandangan ini digunakan ketika Jemaah Haji berada dalam masyaqqah (kesukaran).

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Daim Al-Hadath

Lafaz niat wuduk daim al-hadath	نَوَيْتُ ٱلْوُضُوءَ لِلَّهِ تَعَالَى Sahaja aku berwuduk kerana Allah Ta'ala

Perkara-perkara yang membatalkan wuduk daim al-hadath:

1. Perkara asas yang membatalkan wuduk.
2. Apabila najis meleleh dari tuala wanita/lampin/apa-apa yang digunakan untuk menahan najis daripada meleleh keluar dan mengenai pakaian.

NOTA

1. Pelaksanaan solat seseorang yang mengalami daim al-hadath – solat duduk jika perlu.
2. Pelaksanaan tawaf seseorang yang mengalami daim al-hadath – menaiki kenderaan (kerusi roda, buggy dan sebagainya).

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Daim Al-Hadath

Contoh masalah Daim al-Hadath:

1. Mengalami masalah kencing tak lawas.
2. Mengalami masalah sentiasa keluar angin (sama ada dari jalan depan atau belakang).
3. Istihadhah yang tidak berhenti.
4. Mengalami penyakit keputihan yang berlebihan.
5. Buasir yang terkeluar.

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Daim Al-Hadath

Cara Berwuduk Daim al-Hadath

Setelah masuk waktu solat » Bersihkan kemaluan daripada najis » Sempal (balut, tutup) » Segera berwuduk » Segera solat/tawaf

NOTA Satu wuduk hanya dibolehkan untuk satu solat fardhu sahaja dan beberapa ibadah sunat yang lain.

Cara ini berdasarkan penjelasan Rasulullah S.A.W. kepada Fatimah bt Hubaisy:

اغْتَسِلِي وتَوَضَّئِي لِكُلِّ صَلَاةٍ

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

Sahib Al-Jabirah

SAHIB AL-JABIRAH

Sahib al-Jabirah bermaksud orang yang ada balutan, tampalan atau simen yang diletakkan pada anggota wuduk kerana keperluan perubatan seperti orang yang disimen kerana patah tulang dan orang yang dibalut kerana luka balutan atau tempelan tersebut menghalang air sampai ke kulit.

Cara berwuduk sahib al-Jabirah:

1. Membasuh atau menyapu air pada anggota wuduk yang tidak berbalut.
2. Menyapu air pada balutan.

NOTA Hukum solat sahib al-Jabirah - digalakkan mengulangi solat (al-I'adah). Muzakarah Haji ke-20 Tahun 2004.